

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
(LUBOK ANTU)**

**TARIKH : 20 JULAI 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam mengatasi isu status "stateless children" yang terdapat begitu ramai di Sarawak.

## **JAWAPAN**

### **Tuan Yang Di-Pertua,**

Kelahiran yang berlaku di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku selaras dengan peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahteraan anak, dan peraturan imigresen.

Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengambil langkah proaktif dalam memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri dan kewarganegaraan individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman melalui inisiatif berterusan iaitu Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) yang merangkumi Program Pendaftaran Bergerak (Unit Mobile) dan Bas Mobile. Program MEKAR menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuklah khidmat nasihat berkaitan pendaftaran Kad Pengenalan, Kelahiran, dan Kematian.

Selain daripada itu, JPN turut mengadakan taklimat mengenai kepentingan dokumen pengenalan diri dan kerjasama strategik secara berkala bersama Jabatan Pendidikan Negeri/Kerajaan Negeri melalui Ketua Kaum/Ketua Masyarakat bagi mengenal pasti serta mendaftarkan murid-murid sekolah serta penduduk yang masih belum memiliki dokumen pengenalan diri. Sukacita diingatkan bahawa ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf ‘Belum Ditentukan’ atau ‘Bukan Warganegara’ bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (stateless).